

13/03/2004

Perihal calon dan Samy gugur Subramaniam

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

MENJELANG Pilihan Raya Umum ke-11 minggu depan, Sin Chew Daily dan Nanyang Siang Pau masing-masing mengeluarkan sisipan menarik bagi memudahkan pembaca mendapatkan perkembangan terkini mengenai pilihan raya.

Kedua-dua akhbar itu mula menerbitkan sisipan khas sempena Pilihan Raya Umum ke-11 sebaik Parlimen dibubarkan pada 4 Mac lalu.

Sisipan Sin Chew Daily adalah lapan muka surat broadsheet manakala Nanyang Siang Pau pula menawarkan lapan muka surat tabloid.

Selain dimuatkan berita terkini, spekulasi, temuramah khas dengan keluarga calon, sejarah dan gambar turut dimuatkan. Paling menarik ialah gambar rajah dan tema yang digunakan pada muka depan setiap sisipan itu setiap hari.

Pada Sabtu lalu, muka depan sisipan Sin Chew Daily dihiasi gambar Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting sedang berbual-bual dengan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sebelah kanan manakala di sebelah kiri pula berdirinya Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock dan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Abdullah dan Ong memakai baju Program Khidmat Negara (PKN) yang menyerupai baju askar berwarna biru, manakala Kerk mengenakan baju sama tetapi berwarna coklat dan Abdul Hadi berwarna hijau.

Keempat-empatnya berlatar belakangkan medan perang. Tema hari itu ialah ketua baru memimpin pasukan.

Isnin lalu, satu papan catur mengisi ruangan depan sisipan khas Sin Chew Daily dengan tema askar baru tampil berperang.

Antara mereka yang menghiasi permukaan buah catur ialah muka baru Umno, Datuk Azalina Othman (Pengerang); MCA pula ialah Loh Seng Kok (Kelana Jaya), Dr Wee Ka Siong (Air Hitam), Boey Chin Gan (Kulim); DAP ialah Tan Su Sann (Rasah) dan Kuan Perk Siong (Segambut).

Selasa lalu, barisan calon wanita yang berpakaian panglima tentera China zaman purba menghiasi muka depan sisipan khas Sin Chew Daily.

Antaranya ialah calon Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen, Datin Paduka Dr Tan Yee Kew, Chew Mei Fun dan Tan Cheng Liang manakala calon Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Seri Dr Siti Zaharah Sulaiman serta calon Wanita DAP, Chong Eng, Teresa Kok dan Fong Po Kuan.

Pada Khamis lalu, muka depan sisipan Sin Chew Daily diwarnai suasana bersilat dan bermain kungfu. Abdullah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Hadi sedang bersilat.

Ong, Kerk, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula siap berpakaian baju kungfu sedang menunjukkan aksi masing-masing.

Ahad lalu, sisipan Nanyang Siang Pau pula melaporkan bahawa mengikut kalendar Cina, parti yang menggunakan lambang bunga mungkin akan mengalami nasib malang pada 21 Mac ini.

Calon berusia 51 tahun pula dinasihatkan supaya tidak mendedahkan zodiak Cina kepada pengundi kerana ia mungkin menimbulkan salah faham.

Sementara itu, pengguguran Datuk S Subramaniam daripada senarai calon MIC yang akan bertanding pada Pilihan Raya Umum ke-11 menerima reaksi berbeza dalam Malaysia Namban (Namban) dan Tamil Nesan (Nesan) minggu ini, dengan masing-masing menyuarakan pendapat yang bertentangan.

Namban, dalam lidah pengarangnya, menyifatkan tindakan itu hanya menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kerana

mendedahkan keretakan dalam parti selain membuka ruang untuk kritikan parti pembangkang.

Akhbar itu berpendapat, segala persengketaan dalaman MIC harus diselesaikan sebelum pemilihan parti diadakan tahun lalu bagi menghadapi pilihan raya umum dengan lebih berkesan dan mendapat sokongan padu semua penyokongnya.

Difahamkan, dua faktor utama dalam keputusan menggugurkan Subramaniam ialah kononnya beliau mendalangi pendedahan penyelewengan dalam Maika Holdings Berhad yang dilakukan Presiden Barisan Kemanusiaan Malaysia (IPF) tidak lama dulu.

Selain itu, kelewatan Subramaniam menyatakan pendirian bagi menyokong kesinambungan pimpinan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya pemimpin veteran berundur juga dikatakan salah satu sebab.

Sementara itu, Nesan melaporkan kenyataan Samy Vellu bahawa tindakan menggugurkan Subramaniam itu tidak mencetuskan sebarang perpecahan di kalangan anggota MIC kerana kebanyakan daripada mereka sedar kenapa beliau terpaksa bertindak demikian.

Beliau juga menafikan tindakan mengejut itu mungkin menggugat sokongan padu MIC dalam memastikan kemenangan besar-besaran untuk BN pada pilihan raya kali ini.

Katanya lagi, Subramaniam masih lagi Timbalan Presiden MIC sehingga 2006 dan sebagai parti yang demokratik, beliau boleh bertanding lagi, termasuk mencabar presiden parti.

Lidah pengarang Nesan pula melaporkan bahawa pengguguran Subramaniam adalah jalan penyelesaian terbaik memandangkan hubungan antara presiden dan timbalannya sudah lama renggang serta memerlukan rumusan segera memandangkan pilihan raya sudah hampir.

Mengenai pemilihan calon MIC kali ini, Nanban mengalu-alukan pemilihan tiga calon pemuda termasuk Ketua Pemuda MIC, SA Vigneswaran yang bertanding di kerusi Parlimen Kota Raja di Selangor; timbalannya, S Ramish dicalonkan bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kahang, manakala S Asojan pula di DUN Gambir, kedua-dua di Johor.

Bagaimanapun, tindakan Samy Vellu mengekalkan beberapa muka lama dianggap sebagai satu kesilapan yang mungkin memakan diri kerana ada calon tertentu ternyata tidak lagi mendapat sokongan, baik di kalangan anggota parti atau di kawasan yang mereka tandangi.

Tambahan pula, ada di antara mereka dihantui pelbagai masalah kesihatan dan kemungkinan besar, mengikut laporan Nanban, akan ada kawasan yang menyaksikan pilihan raya kecil sebelum tempoh Parlimen kali ini berakhir sekiranya calon berkenaan menang pada pilihan raya umum ini.

Sementara itu, dalam berita luar negara pula, Nesan dan Nanban melaporkan mengenai pergolakan dalaman Gerila Pembebasan Harimau Tamil Elam (LTTE) yang menyaksikan pertubuhan itu berpecah dua dan mungkin menjejaskan gencatan senjata hampir dua tahun di Sri Lanka.

Minggu lalu, pucuk pimpinan LTTE memecat komander wilayah Timur, V Muralitharan, yang lebih dikenali dengan gelaran Karuna, atas tuduhan membelot terhadap kepentingan masyarakat Tamil Sri Lanka.

Bagaimanapun, Karuna dikatakan masih memimpin lebih 6,000 anggota tentera di wilayah Timur dan buat pertama kali LTTE menghadapi masalah dalam perjuangan 19 tahun bagi memperoleh tanah air berasingan.

Kerajaan Norway, yang sedang mengusahakan proses damai antara LTTE dan Kerajaan Sri Lanka, baru-baru ini diberitahu supaya menganggap kumpulan pimpinan Karuna dan ketua LTTE, Velupillai Prabhakaran sebagai dua entiti berasingan dalam rundingan damai.